




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 175 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 49,785 kes. Tiga (3) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Keningau dan dua (2) kes di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 519 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 46,757 orang. Sejumlah 1,907 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 733 orang di hospital, 1,165 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan sembilan (9) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 88 orang dan 24 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran bertukar dari zon merah ke zon jingga.

4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu dilaporkan.

5 Daripada 175 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 125 kes (71.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 28 kes (16%), saringan kluster sedia ada enam (6) kes (3.4%), saringan PERKESO empat (4) kes (2.3%) dan 12 kes (6.9%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,088 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,121 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.16%.

## **B KEBENARAN BEROPERASI KEDAI GUNTING RAMBUT/SALUN DAN PUSAT CUCI KERETA**

- 1 Selaras dengan pengumuman Menteri Kanan Pertahanan pada hari ini, Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan dua (2) lagi sektor perniagaan terutama yang melibatkan perniagaan mikro beroperasi dengan SOP yang ketat. Perniagaan yang dibenarkan berkuat kuasa mulai **5 Februari 2021** ialah kedai gunting rambut/salun dan pusat cuci kereta.
- 2 Kedai gunting rambut/ salun dibenarkan beroperasi sehingga jam **10.00 malam** melibatkan perkhidmatan gunting rambut sahaja. Manakala perkhidmatan *facial* dan lain-lain masih tidak dibenarkan.
- 3 SOP kedai gunting rambut adalah seperti berikut:
  - i Memakai pelindung muka (face shield).
  - ii Memakai apron (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu).
  - iii Memakai sarung tangan (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu).
  - iv Gunting dan sikat dibersihkan menggunakan air panas.
- 4 Pusat cuci kereta dibenarkan beroperasi hingga jam **10.00 malam**.

## **C BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 2 Februari 2021, sebanyak **5,579** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 40,456 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 128 buah kenderaan diarah berpatah balik. Terdapat satu (1) tangkapan dibuat dan 43 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 222 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 73 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Enam (6) tangkapan telah dibuat oleh APMM di bawah Enakmen Lembaga Pelabuhan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan enam (6) premis, di empat (4) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu dan Semporna.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 111 lokasi di 16 daerah dengan hebahan dibuat dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Bajau dan Bahasa Dusun.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	94%
2	Tenom	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Kota Belud	94%
6	Beluran	94%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	93%
12	Kudat	93%
13	Kota Kinabalu	92%
14	Penampang	92%
15	Tawau	92%
16	Semporna	92%
17	Sandakan	92%
18	Papar	92%
19	Lahad Datu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.**

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
4 Februari 2021**